

# Tiga staf UMS-KAL pindah ke Kota Kinabalu dan Sandakan

UB 11-01-2013 B3

LABUAN: Dua pegawai kanan dan seorang kakitangan sokongan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) berpindah ke Kota Kinabalu, Sandakan dan Labuan.

Dua pegawai kanan itu ialah Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA), Roslan Gimba akan berpindah ke UMS Kampus Sandakan bermula Selasa depan.

Seorang lagi, Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Bahagian Perkhidmatan Komputer dan Intrumentasi (BPKI), Suprianto Mohd Noor berpindah ke UMS di Kota Kinabalu.

Manakala seorang lagi kakitangan iaitu Mohd Asyrul Tengah akan bertugas sebagai pemandu di Kolej Matrikulasi Labuan (KML).

Majlis penyerahan tugas dan penyampaian cenderamata disempurnakan oleh Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainul Abidin yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Alidi Rumah Kesumba, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri



**SYED Nasirin (dua kanan) menyampaikan cenderamata kepada Mohd Nazri yang mewakili Suprianto diperhatikan Zamri (dua kiri).**

Mohammad Tuah dan Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Pentadbiran, Musnin Mattersah.

Dalam ucapannya, Roslan mengucapkan terima kasih kepada Dr Ismail dan semua pegawai, pensyarah dan kakitangan sokongan kerana sentiasa bekerjasama menangani dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh warga universiti terutama pelajar.

Oleh itu, beliau berharap sikap dan komitmen semua staf itu akan berkekalan dan berterusan untuk menjaga nama baik dan imej UMS-KAL.

“Saya berharap hubungan antara UMS Kampus Labuan dan Kampus Sandakan akan dapat dijalinan dalam pelbagai bidang termasuk

sukan dan akademik,” katanya.

Roslan turut mendoakan semoga UMS-KAL akan menjadi sebuah universiti penuh pada masa akan datang sekaligus memberi peluang kepada anak tempatan meneroka bidang baharu yang sewajarnya direbut oleh kakitangan.

Sementara itu, Syed Nasirin mengucapkan terima kasih atas jasa dan sumbangan ketiga-tiga staf berkenaan kerana turut membantu membangunkan UMS-KAL dari segi pembangunan fizikal dan akademik.

Zamri pula berharap pengalaman dan kepakaran mereka ketika bertugas di UMSKAL akan dikongsi dengan pegawai dan staf baharu mereka.